

MAHKAMAH

Suspek kes tipu rakyat Malaysia di Kemboja direman empat hari

25/2/19 B/HARIAN MS 20

[FOTO NADIM BOKHARI/BH]



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kuching, semalam.

Kuching: Suspek kes penipuan pekerjaan membabitkan 47 rakyat Malaysia di Kemboja ditahan reman selama empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes itu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah, berkata perintah reman dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Kuching, Dora Undau.

“Perintah reman terhadap suspek diperoleh sehingga 28 Februari ini, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, Mustafa memaklumkan mengenai tangkapan seorang lelaki tempatan berusia 35 tahun berhubung kes itu pada jam 3 petang kelmarin.

“Setakat ini, 23 orang tampil membuat laporan polis berkenaan kes terbabit,” katanya.

Pada 11 Disember lalu, 47 warga Malaysia, termasuk 40 berasal dari Sarawak, dan masing-masing tiga dari Sabah serta Selangor, selain seorang dari Kuala Lumpur ditahan dalam serbuan pihak berkuasa di dua rumah berasingan di Poipet dalam Wilayah Banteay Mancheay, kira-kira 446 kilometer ke utara Phnom Penh.

Maklumat, risikan

Difahamkan, serbuan itu atas maklumat risikan mengenai kegiatan perjudian dalam talian di kedua-dua premis berkenaan, sebelum semua individu terbabit ditahan di Penjara Wilayah Banteay Mancheay untuk membantu siasatan.

Bagaimanapun, hasil rundingan dijalankan dengan kerajaan Kemboja oleh wakil Wisma Putra, kumpulan terbabit dibebaskan sebelum dibawa pulang ke tanah air.